

26.6.2025

Siaran Media 3: Mesyuarat Agung Tahunan Ke-25 PBA Holdings Bhd (PBAHB)

DATO' IR. PATHMANATHAN K.,
 Ketua Pegawai Eksekutif, PBAHB dan PBAPP.

Skor KPI PBAPP 2024: Melebihi Purata Kebangsaan

PULAU PINANG, Khamis, 26.6.2025 – Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PBAPP bagi tahun 2024 dalam peranannya sebagai operator bekalan air Pulau Pinang terus mencatat prestasi yang menggalakkan berbanding purata kebangsaan yang dilaporkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN):

KPI	PBAPP 2024	Purata Kebangsaan 2023*
1. Liputan bekalan air bandar	100.0%	97.1%
2. Liputan bekalan air luar bandar	99.8%	97.1%
3. Pengeluaran air terawat	1,208 JLH	1,320 JLH
4. Pengeluaran air yang dibil	870 JLH	869 JLH
5. Air tidak terhasil (NRW)	28.0%	34.6%
6. Margin simpanan air terawat	30.0%	15.3%
7. Kualiti air terawat	Program Jaminan Kualiti, Kementerian Kesihatan	n.a.
8. Gangguan bekalan air: Peratus aduan berbanding jumlah akaun air	0.9%**	3.2%
9. Paip pecah dan kebocoran: Peratus aduan berbanding jumlah akaun air	5.9%**	7.2%
10. Isu bil dan meter: Peratus aduan berbanding jumlah akaun air	2.8%**	4.3%
11. Bilangan aduan pengguna: Kualiti air	393**	893
* Buku Fakta Air dan Pembentukan SPAN 2023		
** Statistik PBAPP tahun 2023		

KPI ini menunjukkan bahawa PBAPP terus mengekalkan perkhidmatan bekalan air yang baik di Pulau Pinang, walaupun jumlah pelanggannya meningkat sebanyak 15,742 akaun dalam tempoh setahun.

Data tambahan bekalan air Pulau Pinang	2024	2023	Peningkatan/ (Penurunan)
12. Populasi	1,800,400	1,771,600	28,800 1.6%

13.	Jumlah pengguna domestik berdaftar	604,976	593,255	11,721
				2.0%
14.	Jumlah pengguna bukan domestik berdaftar	100,552	96,531	4,021
				4.2%
15.	Jumlah keseluruhan pengguna	705,528	689,786	15,742
				2.3%
16.	Penggunaan per kapita domestik	261 LKH	284 LKH	(23 LKH)
				(8.1%)

Namun begitu, seperti yang dinyatakan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow, dalam Mesyuarat Agung Tahunan ke-25 PBA Holdings Bhd hari ini, masih banyak ruang untuk penambahbaikan.

Pulau Pinang masih merupakan negeri yang berisiko tinggi dari segi bekalan air pada tahun 2025.

PBAPP akan terus berusaha untuk mengekalkan liputan bekalan air 100% di kawasan bandar dan 99.8% di kawasan luar bandar di Pulau Pinang sambil mengurangkan peratus NRW. Kami juga akan terus melaksanakan dan mempercepatkan projek-projek infrastruktur bekalan air, termasuk Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030) untuk mempertingkatkan bekalan air menjelang tahun 2030. Selain itu, kami sedang melaksanakan projek-projek bagi mengurangkan risiko bekalan air di Pulau Pinang yang berkaitan dengan perubahan iklim dan “Insiden Sungai Muda” yang boleh berlaku pada bila-bila masa.

Terima Kasih.

Dikeluarkan Oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
 Seksyen Komunikasi Korporat
 Emel : comms@pba.com.my